



( )dlm.DBKL / JP / 05 / 2010 / 7001 - 2

## **KENYATAAN MEDIA**

(Untuk siaran serta-merta)

### **PELAKSANAAN KAWALAN KE ATAS AKTIVITI PENYEWAAN PENGINAPAN JANGKA PENDEK DI WPKL**

Aktiviti penyewaan penginapan jangka pendek (**short term rental – STR**) yang dijalankan di dalam kawasan perumahan dan bangunan kediaman berstrata kini telah menjadi salah satu aktiviti ekonomi yang popular bagi menjana pendapatan kepada masyarakat di negara ini.

Keadaan ini turut disumbangkan dengan perkembangan teknologi maklumat di mana kebanyakan urusan pemasaran, promosi dan tempahan ke atas aktiviti STR dilakukan melalui pelbagai laman web dan aplikasi seperti AirBnB, HomeAway, iBilik dan sebagainya.

Aktiviti ini juga telah turut mendorong beberapa isu seperti kacau ganggu, keselamatan, kebersihan dan sebagainya.

Sehubungan dengan itu, sebagai langkah pengawalan dan pemantauan, DBKL mengambil langkah proaktif untuk mendaftarkan aktiviti STR di WPKL sebelum membuat kajian selanjutnya bagi membolehkan pengusaha yang terlibat menjalankan perniagaan mereka secara sah.

Program pendaftaran aktiviti STR ini akan dilaksanakan **sepanjang tahun 2018 mulai bulan Januari 2018 ini.**

Semua pengusaha yang ingin mendaftarkan premis STR mereka boleh melakukannya secara atas talian menggunakan sistem e-Lesen DBKL dengan melayari laman sesawang <http://elesen.dbkl.gov.my>.

Maklumat-maklumat asas berkaitan pendaftaran ini adalah :

- i. **Terbuka kepada semua pengusaha yang menjalankan aktiviti ini samada orang persorangan, ejen mahupun syarikat;**
- ii. **Tiada sekatan taraf kewarganegaraan; dan**
- iii. **Tiada sebarang caj bayaran dikenakan kepada pengusaha yang mendaftarkan premis STR mereka.**

Pendaftaran perniagaan STR ini dilaksanakan untuk kajian oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia bagi membolehkan pengusaha terlibat melaksanakan aktiviti tersebut secara sah serta di bawah pemantauan pihak DBKL.

Pengusaha STR yang gagal mendaftarkan premis perniagaan mereka boleh dianggap sebagai telah melakukan kesalahan dan tindakan undang-undang boleh dikenakan kepada pengusaha-pengusaha tersebut berdasarkan peruntukan undang-undang sediaada yang dikuatkuasakan oleh DBKL.

DBKL berharap program pendaftaran aktiviti STR ini mendapat kerjasama dan sambutan daripada pengusaha-pengusaha yang terlibat.

Sekian.



**FADZILAH BINTI ABD RASHID**  
Pengarah  
Jabatan Perancangan Korporat  
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur  
18 Januari 2018  
1 Jamadilawal 1439H

-Tamat-